

## IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL.10

### **AJARAN ASMAUL HUSNA YANG DIBAWA OLEH DR. WAN MASERI BINTI WAN DAUD**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 21 - 22 Syaaban 1443 bersamaan 24 - 25 Mac 2022 setelah meneliti dan membincangkan kertas kajian dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-118 berkenaan Ajaran Asmaul Husna Yang Dibawa Oleh Dr. Wan Maseri Binti Wan Daud berpandangan seperti berikut:

- i. Fahaman yang dibawa oleh Dr. Wan Maseri binti Wan Mohd adalah **menyeleweng** daripada ajaran Islam berdasarkan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak juga mengambil maklum akan pengakuan taubat yang dilafazkan oleh Dr. Wan Maseri binti Wan Mohd dalam Mesyuarat Panel Pakar Akidah JAKIM Kali Ke-62 pada 15 Februari 2021.
- ii. Ajaran Asmaul Husna yang dibawa oleh Dr. Wan Maseri binti Wan Mohd hendaklah segera disekat keseluruhannya daripada disebarluaskan kepada umat Islam di negara ini;
- iii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak menasihatkan agar setiap orang Islam agar tidak berpegang, beramal atau terlibat dengan fahaman dan ajaran ini. Mereka yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran ini hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah SWT; dan
- iv. Umat Islam juga dilarang untuk merujuk dan menyebarkan buku-buku mengenai Ajaran Asmaul Husna karangan Dr. Wan Maseri binti Wan Mohd.

Tarikh : 25 April 2022

No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9 (65)

Saya yang menjalankan amanah

(Dato' Haji Zamri bin Hashim)  
Timbalan Mufti Negeri Perak